

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]**

TARIKH : 14 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 10

TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP [PENSIANGAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah untuk memastikan kawasan luar bandar Sabah khususnya kawasan kampung yang terpencil tidak terkecuali daripada menikmati talian komunikasi seperti telefon dan internet.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang komprehensif merangkumi penyediaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang dapat memberi perkhidmatan komunikasi yang lebih menyeluruh, stabil dan berkualiti di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

2. Melalui inisiatif yang dibiayai menerusi Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS), Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang merangkumi pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih giat dilaksanakan. Setakat Ogos 2019, sebanyak 2,397 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi di kawasan luar bandar di seluruh negara dan terdapat 249 menara komunikasi baharu

SOALAN NO : 10

masih di peringkat pelaksanaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 475 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi di Sabah dan terdapat 41 menara lagi masih di peringkat pelaksanaan termasuklah pelaksanaan 36 menara komunikasi baharu dan 8 menara dalam peringkat pelaksanaan di Parlimen Pensiangan.

3. Pihak SKMM telah menaiktaraf sebanyak 5,128 lokasi menara kepada perkhidmatan 3G dan 4G, ini termasuklah 1,128 lokasi bagi Sabah. Manakala sebanyak 51 lokasi menara masih lagi dalam peringkat penaiktarafan di seluruh negara, termasuklah 15 lokasi bagi Sabah. Sebanyak 58 menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf di Parlimen Pensiangan.

4. Selain itu, bagi inisiatif berkaitan peluasan Jalur Lebar Talian Tetap yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir dan luar bandar; lebih dari 620 ribu sambungan telah tersedia yang melibatkan penaiktarafan 572 ibusawat di seluruh negara, manakala baki 60 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2019. Ini termasuklah lebih 45 ribu sambungan telah siap di Sabah dan baki 4,500 sambungan dalam peringkat pelaksanaan.

5. Antara inisiatif lain oleh Kerajaan untuk menyokong pemberi perkhidmatan untuk menyediakan perkhidmatan 4G adalah projek rangkaian teras gentian optik. Di Sabah, sepanjang 1,313 km gentian optik telah siap beroperasi dan digunakan untuk penyediaan perkhidmatan 4G.

6. Untuk memastikan liputan jalur lebar dapat disediakan kepada hampir semua penduduk, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau *National Fiberisation and Connectivity Plan*, ("NFCP")) mensasarkan 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.